

Lawatan Sambil Belajar dari SMK Tun Abang Haji Openg

Oleh: Fatin Amira binti Rahmad

06 Februari 2020 – Centre of Technical Excellence Sarawak (CENTEXS) telah menerima lawatan dari Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Abang Haji Openg iaitu seramai 45 orang pelajar Tingkatan 5 Sastra dan 2 orang guru pengiring bertempat di Auditorium CENTEXS, Kuching.

Penceramah untuk sesi lawatan tersebut adalah Cik Dayang Hanisah binti Abang Affendie iaitu pegawai dari Unit Hal Ehwal Pelatih dan Pemasaran CENTEXS. Tujuan lawatan sebegini diadakan adalah sebagai satu kaedah pembelajaran luar bilik darjah, di mana para pelajar didedahkan tentang kursus-kursus di CENTEXS bagi membantu mereka dalam menjana idea untuk mereka menentukan hala tuju selepas mereka tamat pengajian di peringkat menengah kelak. Mereka turut dibawa melawat ke bengkel-bengkel latihan di CENTEXS bagi memberi gambaran kepada para pelajar tentang kaedah dan suasana pembelajaran di CENTEXS.

Sehingga kini CENTEXS menawarkan lima (5) teras utama kemahiran teknikal iaitu Oil and Gas, Electrical and Port, Construction, Textile and Hospitality, dan Digital kepada golongan belia di Sarawak.



